

03/12/1998

Gerakan reformasi belum kemuka permohonan

KUALA LUMPUR, Rabu - Gerakan reformasi setakat ini belum mengemukakan permohonan untuk menubuhkan parti politik, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali.

Menurutnya, sebagai sebuah negara demokrasi, kerajaan akan mempertimbangkan permohonan mana-mana pihak untuk menubuhkan parti politik.

"Setakat ini, kita belum terima permohonan tetapi jika ada...kita akan timbang sebelum mengajukannya kepada Menteri Dalam Negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pengkisahan Sejarah Pertentangan dan Perdamaian: Komunis di Malaysia di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sedia meluluskan permohonan gerakan reformasi untuk menubuhkan parti jika dilakukan mengikut prosedur yang betul.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kerajaan tidak mempunyai masalah membenarkan gerakan itu berdaftar sebagai satu parti.

Minggu lalu, Abdul Malek Hussein yang mendakwa bertindak sebagai Ketua Dokumentasi/Penyelidikan Urusetia Reformasi mengumumkan hasrat menubuhkan parti bagi bertanding dalam pilihan raya akan datang.

Mengenai pengedaran pita rakaman mesyuarat tertutup Majlis Tertinggi Umno (MT), Tajol Rosli berkata, kementeriannya tidak akan bertindak menghalang pengedarannya sehingga ada laporan Umno.

"Macam mana pita rakaman itu boleh keluar, kena tanya (Datuk Seri) Sabbaruddin (Chik), kalau ada laporan, kita akan bertindak," katanya sambil menambah pengedaran pita itu tidak akan menjejaskan keselamatan negara.

Menurutnya, pengedaran pita rakaman itu ada kebaikannya kerana orang ramai boleh mengetahui apa yang sebenarnya berlaku pada mesyuarat berkenaan.

"Ia cukup baik kerana membuktikan Datuk Seri Dr Mahathir bukannya diktator. Dalam mesyuarat itu, semua memberi pendapat tetapi akhirnya keputusan memecat Datuk Seri Anwar (Ibrahim) dibuat secara sebulat suara," katanya.

(END)